



28 Disember 2012  
28 December 2012  
P.U. (A) 481

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 5, 6 DAN 7) 2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF  
SCHEDULES 5, 6 AND 7) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 5, 6 DAN 7) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 dan 7) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

**Pindaan Jadual 5**

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan Jadual 5 dengan jadual yang berikut:

“JADUAL 5  
[Subseksyen 212(8)]

*Cadangan yang tidak menghendaki kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan*

Kategori transaksi yang tidak tertakluk kepada kehendak subseksyen 212(2), (3), (4) dan (6) dan perenggan 212(5)(a).

1. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti atau penerbitan sekuriti atau tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, atau penerbitan tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, berhubungan dengan—

(a) penyenaian atau sebut harga sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara di pasaran saham suatu bursa saham;

- (b) penyenaian atau sebut harga sekuriti suatu perbadanan di pasaran alternatif bursa saham, kecuali debentur, sukuk dan produk Islam berstruktur;
  - (c) suatu perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan—

    - (i) yang telah disenaraikan di pasaran alternatif suatu bursa saham kecuali jika suatu perolehan atau pelupusan tersebut dijalankan berhubung dengan perenggan 212(2)(b); atau
    - (ii) jika hanya debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur perbadanan tersebut disenaraikan di pasaran saham suatu bursa saham;
  - (d) pelupusan aset yang menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham kecuali jika pelupusan tersebut membentuk sebahagian daripada suatu cadangan dibawah perenggan 212(2)(d) atau subseksyen 212(3);
  - (e) perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu skim unit amanah yang tersenarai di pasaran utama bursa saham selain daripada amanah perniagaan; dan
  - (f) sebut harga waran berstruktur di pasaran saham suatu bursa saham dengan syarat bahawa penerbit waran berstruktur itu mematuhi kehendak kelayakan yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.
2. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—

- (a) sekuriti oleh atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara;
- (b) sekuriti atau derivatif oleh atau dijamin oleh mana-mana Kerajaan Negeri;
- (c) sekuriti syarikat kepada anggota sedia ada syarikat mengikut pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965;
- (d) sekuriti atau derivatif oleh mana-mana entiti yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang Labuan—
  - (i) khusus kepada orang di luar Malaysia; atau
  - (ii) kepada entiti lain yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang Labuan;
- (e) sekuriti perbadanan asing yang tersenarai di bursa saham luar Malaysia berkenaan dengan—
  - (i) skim syer pekerja atau opsiyen syer pekerja;
  - (ii) terbitan bonus;
  - (iii) pengagihan syer baharu sebagai ganti dividen;
  - (iv) pengagihan syer yang dipegang oleh perbadanan asing dalam anak syarikatnya sebagai ganti kepada dividen;
  - (v) terbitan hak;
  - (vi) penjalanan waran, opsiyen atau hak melanggan boleh tukar, penukaran nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran nota boleh tukar;

(vii) hak berkenaan dengan waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;

(viii) pembahagian kecil atau penyatuan syer; atau

(ix) mana-mana lain penjalanan aktiviti korporat yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali debentur, sekuriti Islam, produk Islam berstruktur, unit amanah, dan pelaburan ditetapkan;

(f) sekuriti, kecuali debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, oleh perbadanan asing yang tidak tersenarai di bursa saham atau bursa di luar Malaysia berhubungan dengan—

(i) suatu skim syer pekerja atau opsiyen syer pekerja;

(ii) suatu terbitan bonus;

(iii) suatu pengagihan syer baharu sebagai ganti dividen; atau

(iv) suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan;

(g) sekuriti tersenarai atau diluluskan untuk penyenaiaan dan sebut harga saham di luar Malaysia, kecuali debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur, saham dalam dana tertutup, unit dalam skim unit amanah dan pelaburan ditetapkan, kepada orang-orang berikut:

(i) dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya;

(ii) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;

- (iii) seseorang yang memperolehi sekuriti menurut suatu tawaran, sebagai prinsipal, jika balasan agregat bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya;
- (iv) individu, atau individu serta pasangan, yang mempunyai jumlah bersih aset persendirian atau bersesama melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing, tidak termasuk nilai kediaman utama individu tersebut;
- (v) individu yang mempunyai jumlah pendapatan kasar tahunan melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya;
- (vi) individu serta pasangan yang bersesama, mempunyai jumlah pendapatan kasar tahunan melebihi empat ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing dalam tempoh dua belas bulan;
- (vii) perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir;
- (viii) perkongsian yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;
- (ix) pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];

(x) pemegang lesen bank Islam atau pemegang lesen takaful sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*]; atau

(xi) mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

dengan syarat—

(A) bursa saham itu ditentukan oleh Suruhanjaya; dan

(B) pengedaran sekuriti itu dibuat oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;

(h) unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset;

(i) sekuriti, kecuali debentur, sukuk perbadanan asing, produk Islam berstruktur, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, yang tidak disenaraikan di bursa saham atau bursa di luar Malaysia kepada pemegang sedia ada sekuriti itu atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377;

(j) sekuriti, kecuali debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, oleh—

(i) syarikat persendirian; atau

- (ii) syarikat awam yang tidak disenaraikan di bursa saham dan tidak memohon untuk penyenaian di pasaran utama bursa saham; dan
  - (k) debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur oleh perbadanan kepada perbadanan yang berhubungan dengannya yang debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur itu hendaklah mengandungi terma yang melarang pemindahan debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang lain.
- 3. Semua dagangan sekunder debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur.
- 4. Pelawaan atau tawaran untuk menaja jamin atau menaja jamin kecil sekuriti menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubungan dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti sesuatu perbadanan di pasaran saham sesuatu bursa saham.
- 5. Penerbitan atau untukan sekuriti kepada penaja jamin atau penaja jamin kecil menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubungan dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti sesuatu perbadanan di pasaran saham sesuatu bursa saham.
- 6. Berhubungan dengan subseksyen 212(4)—
  - (a) apa-apa cadangan oleh perbadanan tersenarai jika hanya debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur perbadanan tersenarai itu adalah tersenarai di pasaran saham suatu bursa saham; atau
  - (b) apa-apa cadangan oleh perbadanan tersenarai yang sahamnya sudah tersenarai di suatu bursa saham di luar Malaysia.
- 7. Berkenaan dengan suatu perbadanan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham, penerbitan dan penyenaian seterusnya dan sebut harga sekuriti perbadanan itu di pasaran utama itu menurut—

- (a) penjalanan waran, opsiyen atau hak melanggan boleh tukar, penukaran suatu nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran suatu nota boleh tukar;
- (b) hak berkenaan dengan waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;
- (c) pembahagian kecil atau penyatuan syer;
- (d) skim syer pekerja atau opsiyen syer pekerja;
- (e) terbitan bonus;
- (f) terbitan hak;
- (g) penjalanan penempatan secara persendirian; atau
- (h) mana-mana lain penjalanan aktiviti korporat di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali—

- (A) bagi debentur, sukuk atau produk Islam berstruktur, unit amanah selain daripada amanah perniagaan, atau pelaburan ditetapkan; atau
- (B) jika ia membentuk sebahagian daripada cadangan di bawah perenggan 212(2)(d) atau subseksyen 212(3).

8. Berkenaan dengan skim unit amanah yang tersenarai di pasaran utama bursa saham, penerbitan dan penyenaiaan seterusnya dan sebut harga unit-unit skim unit amanah itu di pasaran utama itu menurut terbitan bonus atau terbitan hak.

9. Menjadikan tersedia, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, atau berniaga dalam derivatif melalui kaunter oleh mana-mana orang kecuali jika—
- (a) derivatif melalui kaunter itu dicadang untuk disediakan, ditawarkan untuk langganan atau pembelian;
  - (b) pelawaan untuk melanggan atau membeli derivatif melalui kaunter itu telah dibuat untuk; atau
  - (c) perniagaan dalam derivatif melalui kaunter itu melibatkan, pelabur runcit sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.”

Nota:

Pelabur runcit bermaksud mana-mana orang selain dari—

- (a) Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009; atau
- (b) Orang yang ditetapkan di bawah Bahagian 1 Jadual 6 atau 7 Akta ini.”.

### **Pindaan Jadual 6**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual 6 dengan jadual yang berikut:

“JADUAL 6  
[Seksyen 229]

*Penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali*

**Bahagian I**

**A. Penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang dibuat kepada pelabur bertauliah**

1. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada skim unit amanah, skim pelaburan ditetapkan atau skim persaraan.
2. *[Dipotong]*
3. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada—
  - (a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal; atau
  - (b) pengarah eksekutif atau ketua pegawai eksekutif kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.
4. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
5. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada bank berlesen atau pemegang lesen insurans sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010.
6. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada suatu bank Islam berlesen atau pemegang lesen takaful sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010.

7. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada institusi berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau suatu bank Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank Islam 1983.
8. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 atau pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984.

**B. Penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang dibuat kepada entiti bernilai bersih tinggi**

9. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada—
  - (a) syarikat yang berdaftar sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 yang mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing; atau
  - (b) perbadanan yang merupakan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965 yang telah dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta ini dan mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing.
10. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada—
  - (a) perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir; atau
  - (b) perkongsian dengan jumlah bersih aset melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing.

11. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada badan berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen atau enakmen mana-mana Negeri.
12. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada kumpulan wang pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*].

**C. Penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang dibuat kepada individu bernilai bersih tinggi**

13. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada individu—
  - (a) yang jumlah bersih aset peribadinya, atau jumlah bersih aset bersesama dengan pasangannya, melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing, kecuali nilai kediaman utama individu itu;
  - (b) yang pendapatan tahunan kasarnya melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya; atau
  - (c) yang, bersesama dengan pasangannya, mempunyai pendapatan tahunan kasarnya melebihi empat ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya.

**Bahagian II**

**D. Penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang lain**

14. Tawaran atau pelawaan yang dibuat mengenai apa-apa penjualan unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.

15. Semua perdagangan dalam sekuriti kecuali debentur yang dilaksanakan di pasaran saham suatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) atau bursa saham yang lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham itu.
16. Tawaran atau pelawaan sekuriti yang dibuat atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Bank Negara.
17. Tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti syarikat persendirian.
18. Tawaran atau pelawaan menurut tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu.
19. Semua dagangan sekunder dalam debentur kecuali dagangan sekunder debentur yang melibatkan pelabur runcit dan prospektus tidak diterbitkan.
20. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada pekerja atau pengarah sesuatu perbadanan atau perbadanan yang berhubungannya menurut skim syer, pekerja atau skim opsiyen syer pekerja.
21. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada mana-mana pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat yang sedang menjalani skim perkiraan atau kompromi di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] atau skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 [*Akta 587*] yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.
22. Tawaran atau pelawaan yang dibuat khusus kepada orang di luar Malaysia.
23. Tawaran atau pelawaan untuk membuat perjanjian penajajaminan atau penajaminan kecil atau tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada penaja jamin di bawah perjanjian itu.

24. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada seseorang yang memperoleh sekuriti menurut suatu penempatan secara persendirian jika balasan agregat bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya.
25. [*Dipotong*]
26. Tawaran atau pelawaan yang dibuat oleh atau kepada Danamodal Nasional Berhad.
27. Tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada anggota sedia ada dalam suatu syarikat mengikut pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965.
28. Tawaran atau pelawaan berkenaan sekuriti perbadanan asing yang sekuriti atau mana-mana kelas sekuritinya mendapat kemasukan ke bursa saham lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham, yang dibuat kepada anggota atau pemegang debentur sedia ada perbadanan asing itu secara terbitan hak dengan syarat bahawa tawaran atau pelawaan itu disertakan dengan prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan oleh pihak berkuasa menyelia asing perbadanan asing itu.
29. Mengenai sekuriti sesuatu perbadanan yang tidak tersenarai, suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada anggota atau pemegang debentur yang sedia ada perbadanan itu melalui terbitan hak dan bukan merupakan suatu tawaran yang baginya seksyen 237 terpakai.

### **Bahagian III**

#### **Ketidakkpakaian**

Tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang baginya seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 Penggal 3 Bahagian VI tidak terpakai.”

**Pindaan Jadual 7**

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual 7 dengan jadual yang berikut:

“JADUAL 7  
[Seksyen 230]

*Terbitan terkecuali*

**Bahagian I**

**A. Terbitan terkecuali yang dibuat kepada pelabur bertauliah**

1. Terbitan yang dibuat kepada suatu skim unit amanah, skim pelaburan ditetapkan atau skim persaraan.
2. Terbitan yang dibuat kepada seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.
3. Terbitan yang dibuat kepada seseorang pengarah eksekutif atau ketua pegawai eksekutif kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.
4. Terbitan yang dibuat kepada dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
5. Terbitan yang dibuat kepada suatu bank berlesen atau pemegang lesen insurans sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010.
6. Terbitan yang dibuat kepada bank Islam berlesen atau pemegang lesen takaful sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010.

7. Terbitan yang dibuat kepada institusi berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau bank Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank Islam 1983.
8. Terbitan yang dibuat kepada syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 atau pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984.

**B. Terbitan terkecuali yang dibuat kepada entiti bernilai bersih tinggi**

9. Terbitan yang dibuat kepada—
  - (a) syarikat yang berdaftar sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 yang mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing; atau
  - (b) perbadanan yang merupakan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965 yang telah dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta ini dan mempunyai aset-aset di bawah pengurusan melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing.
10. Terbitan yang dibuat kepada—
  - (a) perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir; atau
  - (b) perkongsian dengan jumlah bersih aset melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing.
11. Terbitan yang dibuat kepada badan berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen atau enakmen mana-mana Negeri.

12. Terbitan yang dibuat kepada kumpulan wang pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*].

**C. Terbitan terkecuali yang dibuat kepada individu bernilai bersih tinggi**

13. Terbitan yang dibuat kepada seseorang individu—
  - (*d*) yang jumlah bersih aset peribadinya, atau jumlah bersih aset berse sama dengan pasangannya, melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing, kecuali nilai kediaman utama individu itu;
  - (*e*) yang pendapatan tahunan kasarnya melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya; atau
  - (*f*) yang, berse sama dengan pasangannya, mempunyai pendapatan tahunan kasarnya melebihi empat ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya.

**Bahagian II**

**D. Terbitan terkecuali atau pelawaan terkecuali yang lain**

14. Terbitan yang dibuat kepada penaja jamin di bawah perjanjian penajajaminan atau penajaminan kecil.
15. Terbitan yang dibuat mengenai mana-mana penjualan unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan oleh seseorang wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.

16. Semua perdagangan dalam sekuriti kecuali debentur yang dilaksanakan di pasaran saham suatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) atau bursa saham yang lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham itu.
17. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti sesuatu syarikat persendirian.
18. Terbitan sekuriti yang dibuat atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Bank Negara.
19. Suatu terbitan menurut suatu tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu.
20. Semua dagangan sekunder dalam debentur kecuali dagangan sekunder debentur yang melibatkan pelabur runcit dan prospektus tidak diterbitkan.
21. Suatu terbitan yang dibuat kepada pekerja atau pengarah sesuatu perbadanan atau perbadanan yang berhubungannya menurut suatu skim syer, pekerja atau skim opsyen syer pekerja.
22. Terbitan yang dibuat kepada mana-mana pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat yang sedang menjalani skim perkiraan atau kompromi di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965 atau skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.
23. Mengenai sekuriti perbadanan yang tidak tersenarai, terbitan yang dibuat kepada anggota atau pemegang debentur yang sedia ada perbadanan itu melalui terbitan hak dan bukan merupakan tawaran yang baginya seksyen 237 terpakai.
24. Terbitan yang dibuat khusus kepada orang di luar Malaysia.

25. Terbitan yang dibuat kepada seseorang yang memperoleh sekuriti menurut penempatan secara persendirian jika balasan agregat bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya.
26. Terbitan yang dibuat oleh atau kepada Danamodal Nasional Berhad.
27. Terbitan sekuriti oleh perbadanan menurut penjalanan opsiyen, waran atau hak langganan yang boleh dipindahkan, yang mengenainya prospektus yang didaftarkan di bawah Akta ini atau yang mengenainya sekuriti yang opsiyen, waran atau hak langganan yang boleh dipindahkan itu diubah ialah sekuriti yang tersenarai.
28. Terbitan saham oleh perbadanan menurut peruntukan yang terkandung dalam nota boleh ubah, sama ada nota itu diterbitkan oleh perbadanan itu atau oleh perbadanan lain, yang mengenainya prospektus telah diterbitkan di bawah Akta ini atau yang mengenainya sekuriti yang opsiyen, waran atau hak langganan yang boleh dipindahkan itu diubah ialah sekuriti yang tersenarai.
29. Terbitan berkenaan dengan saham atau unit dalam skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang diterbitkan untuk menjelaskan dividen yang kena dibayar oleh penerbit kepada pemegang syer atau unit yang sedia ada yang diterbitkan menurut prospektus.
30. Terbitan berkenaan dengan sekuriti perbadanan yang dibuat kepada anggota sedia ada dalam suatu syarikat mengikut pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965.
31. Terbitan bonus sekuriti yang dibuat oleh perbadanan.
32. Terbitan berkenaan dengan sekuriti syarikat asing yang sekuriti atau kelas sekuritinya mendapat kemasukan ke mana-mana bursa di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham, dibuat kepada anggota atau

pemegang debentur yang sedia ada perbadanan syarikat asing itu secara terbitan hak.

33. Terbitan berkenaan sekuriti perbadanan asing yang sekuriti atau mana-mana kelas sekuritinya mendapat kemasukan ke bursa saham lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham, yang dibuat kepada anggota atau pemegang debentur sedia ada perbadanan asing itu secara terbitan hak dengan syarat bahawa tawaran atau pelawaan itu disertakan dengan prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan oleh pihak berkuasa menyelia asing perbadanan asing itu.

### **Bahagian III**

#### **Ketidakkpakaian**

Tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang baginya seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 Penggal 3 Bahagian VI tidak terpakai.”.

Dibuat 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8; PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF SCHEDULES 5, 6 AND 7)  
ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 380(1) of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Amendment of Schedules 5, 6 and 7) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 28 December 2012

**Amendment of Schedule 5**

2. The Capital Markets and Services Act 2007, which is referred to as the principal Act in this Order, is amended by substituting for Schedule 5 the following schedule:

“SCHEDULE 5  
[Subsection 212(8)]

*Proposals not requiring approval, authorization or recognition*

Categories of transactions not subject to the requirements of subsections 212(2), (3), (4) and (6) and paragraph 212(5)(a).

1. Any proposal, scheme, transaction, arrangement or activity, or issuance of securities or offer for subscription or purchase of securities, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase securities in relation to—

